

## **Metodologi Muslim Bin Al-Hajjāj Dalam Kritik Perawi: Kajian Terhadap *Muqaddimah Sahīh Muslim***

***Methodology Of Muslim Bin Al-Hajjāj In Criticizing Narrators: A Study Of The Muqaddimah Sahīh Muslim***

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi\*

*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia.*

\*Corresponding author: dzuldzulraidi@gmail.com

---

### **Article history**

Received: 2024-09-13

Received in revised form: 2024-11-29

Accepted: 2024-12-01

Published online: 2025-02-28

### **Abstract**

The science of narrator criticism, or *al-jarb wa al-ta'dil*, is one of the essential branches of hadith studies. One of the primary works discussing the principles of this science is *Muqaddimah Sahib Muslim* by Muslim bin al-Hajjāj, which has traditionally been regarded as a key reference in understanding narrator criticism. However, questions remain regarding the methodology used by Muslim bin al-Hajjāj in evaluating narrators and how it was applied in the context of narrator criticism. Therefore, this study aims to analyze Muslim bin al-Hajjāj's methodology in *Muqaddimah Sahib Muslim* and assess how his approach influenced the evaluation of narrators' integrity and accuracy. This study uses a qualitative methodology with a document analysis approach for data collection and content analysis as the main method. The study's findings indicate that Muslim bin al-Hajjāj's methodology in *Muqaddimah Sahib Muslim* is systematic and detailed, with a particular emphasis on the narrators' integrity ('adālah) and memory precision (*dhabt*). He also emphasized the discussion on poor narrator practices, such as failing to screen hadith narrations. The implications of this study provide clearer guidance in understanding the methodology of narrator criticism and contribute to new literature in contemporary hadith studies.

Keywords: *al-jarb wa al-ta'dil*; Muslim bin al-Hajjāj; *Muqaddimah Sahib Muslim*; 'adālah; *dhabt*

### **Abstrak**

Ilmu kritik perawi atau *al-jarb wa al-ta'dil* merupakan salah satu cabang penting dalam kajian hadith. Antara karya utama membincangkan prinsip ilmu ini ialah *Muqaddimah Sahib Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj yang secara tradisinya dianggap sebagai rujukan penting dalam memahami kritikan perawi. Namun, terdapat persoalan mengenai metodologi yang digunakan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam menilai perawi dan bagaimana ia diterapkan dalam konteks kritik perawi. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis metodologi Muslim bin al-Hajjāj dalam *Muqaddimah Sahib Muslim* dan menilai bagaimana pendekatannya mempengaruhi penilaian keadilan dan ketepatan perawi hadith. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan pendekatan analisis dokumentasi untuk pengumpulan data, dan analisis kandungan sebagai metode utama. Hasil kajian menunjukkan bahawa metodologi kritik perawi yang diterapkan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam *Muqaddimah Sahib Muslim* adalah sistematis dan terperinci, dengan penekanan khusus pada aspek keadilan ('adālah) dan hafalan (*dhabt*) perawi. Beliau juga menekankan perbincangan mengenai tabiat buruk perawi seperti tidak menapis riwayat hadith. Implikasi kajian ini memberikan panduan yang lebih jelas dalam memahami metodologi kritik perawi serta menyumbang kepada literatur baru dalam kajian hadith kontemporari.

Keywords: *al-jarb wa al-ta'dil*; Muslim bin al-Hajjāj; *Muqaddimah Sahib Muslim*; *adālah*; *dhabt*

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Ilmu kritik perawi atau dikenali sebagai ilmu *al-jarh wa al-ta'dil*, merupakan salah satu cabang ilmu hadith yang sangat penting dalam menilai kesahihan periwayatan hadith (Zulhilmi Mohamed Nor, 2013). Ia bertujuan untuk mengklasifikasikan perawi berdasarkan keadilan dan ketelitian hafalan mereka, memastikan hanya riwayat yang benar-benar sah disampaikan kepada umat Islam. Kritik perawi melibatkan penilaian terhadap integriti dan kemampuan perawi dalam menyampaikan hadith dengan tepat dan amanah (Ali Imron, 2017). Dalam usaha memahami metodologi kritikan perawi, kajian terhadap karya-karya besar seperti *Muqaddimah Sahih Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj menjadi sangat penting.

Muslim bin al-Hajjāj adalah seorang ulama hadith yang masyhur. Beliau telah menghasilkan *Sahih Muslim* salah satu daripada kitab hadith yang paling dipercayai dalam tradisi Islam (Muhammad Alawi, 2008). Dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*, beliau memperkenalkan metodologi kritikan perawi yang sistematik dan terperinci, mengkategorikan perawi berdasarkan keadilan dan kedabitan mereka. Pendekatan ini tidak hanya memberi panduan dalam menilai kesahihan hadith, tetapi juga membentuk asas penting dalam kajian ilmu hadith secara umum. Muqaddimah ini telah diiktiraf sebagai karya yang layak dikategorikan sebagai sebuah kitab usul hadith, menunjukkan betapa pentingnya perbahasan dalam karya ini (Al-Ityūbī, 2003).

Masalah kajian ini timbul apabila terdapat pelbagai pendekatan dan perbezaan dalam menilai perawi antara para ulama hadith (Abdul Aziz Bin Abdul Latif 2017). Terdapat juga persoalan mengenai apakah metodologi yang digunakan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam Muqaddimahnya bagi kritik perawi hadith. Di samping itu, terdapat kekurangan kajian yang komprehensif yang menganalisis pendekatan Muslim secara mendalam, terutamanya dalam konteks kritikan perawi yang diabaikan atau tidak disebut secara eksplisit oleh beliau.

Untuk membuktikan perkara tersebut, hasil semakan kajian-kajian lepas di pengkalan data *Google Scholar* tanpa menetapkan tempoh masa kajian dan mendapati setakat ini tiada kajian lepas membahaskan mengenai topik yang sama. Carian dilakukan dengan menggunakan kata kunci “*muqaddimah sahīh muslim*”, “*muslim*” dan “*sahīh muslim*”. Carian juga diluaskan dalam bahasa melayu, inggeris dan arab. Hasilnya didapati terdapat satu kajian yang membincangkan mengenai perawi dalam *Muqaddimah Sahīh Muslim* namun dengan objektif yang agak berbeza. Rujuk jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Rumusan Literatur Kajian Muslim bin al-Hajjāj

No.	Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif Kajian
1.	<i>Dirásab Hadithiyah Naqdiyyah li Rijal Muqaddimah Sahih Muslim al-Mutakallam Fibim</i>	Hamīdah bin al-Turkī dan Umar Hidoussī	2019	Membahaskan mengenai perawi-perawi dalam <i>Muqaddimah Sahih Muslim</i> dengan objektif perbandingan pandangan tokoh hadith yang lain untuk memahami kedudukan mereka.

2.	Analisis Metode Penerangan Hadith Ber'illah Dalam Sahih Muslim Menurut Ḥamzah Al-Malyabārī	Ibrahim Adham Mohd Rokhibi dan Khadher Ahmad	2022	Menjelaskan metod Muslim bin al-Hajjāj membahaskan hadith ber'illah dalam Muqaddimah Sahih Muslim.
3.	Konsep Toleransi dalam Perspektif Hadist Multikultural  (Analisis Uji Kualitas Sanad & Matan Hadist Shahih Muslim 1593)	Aprilita Hajar dan Damanhuri	2024	Membahaskan konsep tolenrasi dengan menjadikan Sahih Muslim sebagai rujukan hadith.
4.	Konsep Qarāin Tarjih Dan Aplikasinya Dalam Kitab Al-Tamyīz Karangan Muslim Bin Al-Hajjāj	Dzulfaidhi Dzulraidi, Danial Hazim Ayub dan Muhammad Taufiq Amat Famsir	2024	Menganalisis konsep petunjuk ( <i>al-qara'in</i> ) yang digunakan oleh Muslim dalam <i>al-Tamyīz</i> .

Daripada kesemua kajian yang telah dijalankan, terdapat satu kajian yang membahaskan mengenai topik yang sama iaitu daripada Hamīdah bin al-Turkī dan Umar Hidoussī pada tahun 2019. Namun kajian ini menawarkan sedikit perbezaan dengan memfokuskan kepada metodologi khusus Muslim bin al-Hajjāj tanpa membandingkan bersama tokoh-tokoh hadith lain. Begitu juga analisis mendapati dapatan kajian ini berbeza dengan penyelidikan tersebut dengan kajian tersebut menemui sejumlah tidak lebih 15 perawi yang dikritik oleh Muslim bin al-Hajjāj manakala dapatan kajian ini menyenaraikan sejumlah 18 orang perawi. Justeru keperluan kajian ini adalah untuk memberikan analisis yang lebih mendalam mengenai metodologi Muslim dalam kritikan perawi. Kajian ini penting untuk mengisi jurang dalam literatur yang sedia ada dan memberikan panduan kepada pengkaji hadith dalam memahami bagaimana Muslim menilai perawi, serta bagaimana metodologi ini boleh diaplikasikan dalam kajian hadith kontemporari. Dengan menganalisis metodologi Muslim, kajian ini dapat membantu memperkuuh pemahaman mengenai keadilan dan kedabitan perawi serta memastikan ketepatan dalam periwayatan hadith.

## 1.2 Biografi Muslim bin al-Hajjāj

Muslim bin al-Hajjāj, juga dikenal sebagai Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysābūrī, berasal dari keturunan Bani Qushayr, sebuah suku Arab yang terkenal. Menurut beberapa ulama, termasuk al-Zahabī (1996) dan Ibn Hajar al-‘Asqalāni (2001), beliau dilahirkan pada tahun 204 Hijrah. Namun, Maḥmūd Fākhūrī (1990) berpendapat bahawa tahun kelahiran yang lebih tepat adalah 206 Hijrah di kota Naisabur. Muslim memulakan pengajiannya dalam ilmu hadith pada usia 18 tahun di bawah bimbingan Yaḥyā bin Yaḥyā al-Tamīmī. Beliau kemudian merantau ke Iraq, Hijaz, Syam, dan Mesir untuk belajar dan mengumpulkan hadith daripada para ulama di wilayah-wilayah tersebut (Muslim 1972).

Muslim mempelajari dan meriwayatkan hadith daripada lebih 220 perawi yang mana sebahagian besar dimasukkan ke dalam karya beliau, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Muslim, 1972). Di antara gurunya adalah al-Qa'nabī, Aḥmad bin Yūnus, Ismā'īl bin Abī Uways, Dāwūd bin ‘Amr, al-Haitham bin Khārijah, Sa'īd bin Manṣūr, dan ramai lagi seperti yang disebutkan oleh al-‘Asqalānī (2001). Muslim juga berguru dengan Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī untuk tempoh yang lama. Al-Khaṭīb al-Baghdādī (2001) menceritakan bahawa Muslim sangat rapat dengan al-Bukhārī semasa beliau berada di kota Naisabur pada akhir hayatnya, sehingga mengikut jejak langkah

gurunya dalam metodologi dan ilmu hadith. Al-Dāraqutnī (2000) pernah menyatakan bahawa jika bukan kerana al-Bukhārī, Muslim tidak akan mencapai kedudukan yang beliau miliki dalam bidang hadith hari ini.

Di antara anak murid Muslim yang terkenal adalah al-Tirmidhī, Abū al-Fadl Aḥmad bin Salamah, Ibrāhīm bin Abī Ṭālib, Abū ‘Amrū al-Khafāf, Ibn Khuzaymah, dan Abū Muḥammad bin Abī Ḥātim al-Rāzī (al-‘Asqalānī, 2001; Ibn Khallikān, 1997). Selain itu, Muslim juga menghasilkan beberapa karya dalam bidang hadith yang menjadi rujukan penting bagi umat Islam, termasuklah *Sabīh Muslim*, yang dianggap sebagai karya agungnya (Muslim, 1972). Menurut al-Nawawī (1996), antara karya lain yang ditulis oleh Muslim adalah *al-Musnad al-Kabir*, *al-Jami’ al-Kabir*, *al-Ilal*, *Anwāh al-Muhaddithīn*, dan *al-Tamyīz*. Al-‘Uqaylī (1992) turut mengesahkan sumbangan Muslim dalam penghasilan karya-karya tersebut.

### 1.3 Pengenalan Muqaddimah Sahīh Muslim

Penulisan karya Sahīh Muslim berpunca daripada permintaan murid Muslim bin al-Hajjāj sendiri iaitu Ahmad bin Salamah. Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Muslim dalam *Muqaddimah* beliau. Ahmad bin Salamah telah menjelaskan kepada Muslim bin al-Hajjāj bahawa beliau ingin mendalami bidang hadith justeru meminta Muslim mengarang sebuah kitab hadith dengan beberapa ciri khusus. Rujuk jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Ciri-ciri *Sabīh Muslim*

No.	Permintaan	Penjelasan
1.	Kitab mengenai sunnah agama, hukum-hakam berkaitan pahala dan dosa, anjuran dan ancaman.	Murid beliau meminta beliau mengarang kitab hadith yang mengandungi keseluruhan atau kebanyakan bab-bab dalam syariat
2.	Kitab yang mengandungi sanad <i>mutanāqilah</i> dan <i>mutadāwilah</i>	Murid beliau meminta beliau memasukkan sanad-sanad penuh ke dalam kitabnya daripada para sahabat, <i>tābi’īn</i> dan selepasnya.
3.	Kesemua hadith dan sanad dihimpunkan dalam satu kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar menghimpunkan kesemua perbincangan dalam sanad kitab.
4.	Tidak ada pengulangan yang banyak dalam kitab	Ahmad bin Salamah meminta Muslim bin al-Hajjāj agar mengurangkan pengulangan agar hadith itu lebih mudah difahami.

Seterusnya, Muslim bin al-Hajjāj memperkenankan permintaan murid beliau dan mengarang sebuah karya *al-Musnad al-Sahīb al-Mukhtaṣar min Sunan Rasūlullāh* yang lebih masyhur dikenali sebagai *Sabīh Muslim*. Khusus dalam muqaddimah bagi kitab ini, Muslim bin al-Hajjāj menjelaskan mengenai metodologi beliau dalam berinteraksi dengan hadith. Hal ini kerana menurut beliau,

terdapat golongan *pseudo muhaddithin* yang menyebarkan hadith-hadith bermasalah kepada orang awam dan perkara itu merosakkan. Perbincangan-perbincangan dalam muqaddimah beliau lengkap sehingga layak dikategorikan sebagai sebuah karya usul hadith. Terdapat beberapa tokoh yang menghuraikan muqaddimah beliau secara berasingan berbanding kitab *Sahih Muslim* seperti Muḥammad Ibn al-Shaykh al-‘Allāmah ‘Ali bin Adam bin Musa al-Ityūbī dan Abdul Karīm al-Khudayr.

Jadual 3 berikut adalah senarai topik-topik perbincangan dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*:

**Jadual 3:** Senarai topik perbincangan dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*

No.	Topik Perbincangan
1.	Pendahuluan dan Kata-kata Aluan daripada Muslim bin al-Hajjāj
2.	Sebab Penulisan Sahih Muslim
3.	Metodologi Penulisan Sahih Muslim
4.	Realiti Periwayatan Hadith Era Muslim bin al-Hajjāj
5.	Kewajiban Mengambil Riwayat daripada Para Perawi Tsiqah dan Meninggalkan Penipu
6.	Larangan Berdusta ke atas Nabi SAW
7.	Larangan Menceritakan Semua yang Didengari tanpa Tapisan
8.	Perawi Dhaif dan Penipu yang Perlu Dijauhi Riwayat Mereka
9.	Sanad Merupakan Sebahagian daripada Agama
10.	Menceritakan Kelemahan Perawi dan Pandangan Ulama Hadith Mengenainya
11.	Adakah Disyaratkan Bertemu bagi Pensabitan Samā' Seseorang Perawi
12.	Sah Menggunakan Hadīth Mu'an'an sebagai Hujah.

Secara keseluruhannya, *Muqaddimah Sahih Muslim* bukan sahaja merupakan sumbangan besar Muslim bin al-Hajjāj dalam bidang hadith, tetapi juga menunjukkan metodologi kritikal dan sistematik yang beliau gunakan dalam menilai perawi. Karya ini memberikan panduan yang berharga bagi para pengkaji hadith dalam memahami bagaimana penilaian perawi dilakukan dan kepentingan pendekatan yang berintegriti dan teliti dalam kajian hadith. Melalui karya ini, Muslim telah meninggalkan warisan ilmiah yang terus dihargai dan dijadikan rujukan oleh para ulama dan pelajar hadith hingga ke hari ini.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, kerana pendekatan ini paling sesuai dalam memahami isu-isu kompleks secara mendalam, seperti mengkaji metodologi Imam Muslim dalam kritik perawi berdasarkan *Muqaddimah Sahih Muslim*. Pendekatan ini membolehkan analisis

terperinci terhadap teks dan pandangan Muslim bin al-Hajjāj mengenai faktor-faktor yang menyebabkan seseorang perawi dikritik.

Metode dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer utama ialah kitab *Muqaddimah Sahīh Muslim*, yang akan dianalisis secara mendalam bagi mengenal pasti metodologi Muslim bin al-Hajjāj dalam menilai perawi hadith. Selain itu, sumber sekunder seperti artikel jurnal, tesis, disertasi, serta buku-buku kajian hadith lain yang membincangkan metodologi Muslim bin al-Hajjāj dan ilmu *al-jarb wa al-ta’dīl* turut dikumpulkan. Sumber-sumber ini diperoleh daripada perpustakaan fizikal dan digital, termasuk koleksi peribadi, buku dalam format PDF, serta perpustakaan digital seperti aplikasi *al-Maktabah al-Syāmilah*.

Metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini untuk menilai secara terperinci metodologi kritik perawi yang diterapkan oleh Muslim bin al-Hajjāj. Analisis ini bertujuan mengenal pasti pendekatan Muslim bin al-Hajjāj dalam menentukan keadilan atau kelemahan perawi, serta konsep-konsep asas yang digunakan oleh beliau dalam kritik perawi. Teks dalam *Muqaddimah Sahīh Muslim* akan dianalisis bagi mengeluarkan kaedah-kaedah kritik yang spesifik dan bagaimana ia diaplikasikan oleh Muslim bin al-Hajjāj.

Selain itu, metodologi kritik perawi oleh Muslim akan dianalisis dari segi konsistensi dan keberkesanannya dalam penilaian perawi. Penilaian ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai konsep asas metodologi Imam Muslim dalam kritik perawi dan sumbangannya kepada ilmu hadith.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang kajian hadith dengan menyediakan panduan yang lebih tepat dalam memahami metodologi kritik perawi, khususnya yang diamalkan oleh Muslim bin al-Hajjāj, dan juga implikasinya terhadap penilaian keadilan perawi dalam hadith.

## 3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Konsep Asas Ilmu Kritik Perawi (*al-Jarb wa al-Ta’dīl*)

Ilmu usul hadith merupakan salah satu cabang ilmu yang mengkaji aspek teknikal sanad atau kebiasaannya disebut sebagai ilmu yang mengandungi kaedah-kaedah untuk mengenal status sanad dan matan sesebuah hadith (Muhammad bin Alawi 2003). Antara cabang subjek utama dalam usul hadith merupakan ilmu *al-jarb wa al-ta’dīl* iaitu satu cabang ilmu yang mengumpulkan kaedah-kaedah untuk mengenal perawi yang diterima riwayatnya atau tidak diterima (Syarif Hatim al-Awni 2002).

*Al-jarb* daripada sudut bahasa merupakan kata terbitan (masdar) daripada kalimah *Jaraha* – *Yajrahū* – *Jarhan* (جَرْحَ – يَجْرِحُ – جَرْحَةً) yang bermaksud luka (Muhammad Mukrim 1994). Menurut Murtadha al-Husaini (2001), sebahagian tokoh bahasa membezakan definisinya apabila kalimah ini dibaca dengan baris yang berbeza. Sekiranya ia dibaca dengan baris *dhammah* (*al-Jurb*) bermaksud luka yang disebabkan oleh perkara fizikal seperti pisau, pedang dan sebagainya. Manakala sekiranya ia dibaca dengan *fathah* (*al-Jarb*) ia memberi maksud luka yang disebabkan oleh perkara bukan fizikal seperti perkataan. Daripada sudut istilah, Abdul Aziz Abdul Latif (2017) mendefinisikan *al-jarb* sebagai kritikan terhadap perawi yang menyebabkan status periwayatannya berubah.

Sementara itu, *al-ta’dīl* menurut bahasa memberi pengertian al-taswiyah iaitu sesuatu yang lurus atau perbuatan untuk meluruskan sesuatu dan membandingkannya dengan perkara-perkara yang

lain (Muhammad 2010). Di sisi para ulama hadith, mereka mengertikannya sebagai pujian terhadap perawi yang menyebabkan riwayat mereka diterima (Muhammad Sulaiman 1986). Abdul 'Azīz Abdul Latīf (2017) menyebutkan walaupun secara bahasanya *al-ta'dil* memberi pengertian pujian dalam isu-isu berkaitan keadilan, akan tetapi penggunaan di sisi para ulama hadith lebih umum iaitu apa-apa aspek yang mempengaruhi penerimaan hadith termasuk dalam bab kejujuran, sifat amanah, kekuatan hafalan dan sebagainya.

*Al-jarb* dan *al-ta'dil* terhadap perawi dapat dilihat daripada empat sudut utama, iaitu kritikan terhadap perawi dari aspek keadilan, hafalan, identiti dan kritikan yang tidak berkaitan secara langsung dengan keadilan dan hafalan perawi tersebut. Pertama, dari sudut keadilan, para muhaddithīn telah menetapkan lima syarat utama bagi menilai seseorang perawi sebagai seorang yang adil. Syarat-syarat tersebut termasuklah: (1) beragama Islam, (2) telah mencapai umur baligh, (3) berakal, (4) tidak melakukan perbuatan yang menyebabkan dia dilabelkan sebagai fasik, dan (5) tidak terlibat dalam perbuatan yang boleh merendahkan maruahnya. Sekiranya seseorang perawi memenuhi kesemua syarat ini, dia layak untuk dikategorikan sebagai seorang yang adil (Al-Munāwī, 1999).

Kedua, dalam aspek hafalan, para ulama menekankan bahawa riwayat perawi tersebut mestilah tidak bercanggah dengan riwayat perawi *tsiqah* yang lain. Sekiranya didapati bahawa banyak riwayat perawi tersebut bercanggah dengan riwayat perawi *tsiqah* yang lain, para ulama akan menilai bahawa perawi tersebut tidak mempunyai hafalan yang kuat atau tidak *dhābit*. Malah, dalam kes yang lebih serius, riwayat perawi tersebut boleh ditolak sepenuhnya jika terdapat banyak percanggahan dengan riwayat perawi *tsiqah* yang lain (Al-Syahrazūnī, 1986). Ketiga, masalah yang berkait identiti perawi iaitu perawi tidak dikenali atau terlalu sedikit periwayatannya sehingga menyebabkan para ulama hadith tidak mengeluarkan status mengenainya (Al-Sakhawī, 1993).

Keempat, terdapat juga aspek yang tidak berkait secara langsung dengan keadilan dan *dhābit* perawi tetapi tetap memberi kesan terhadap statusnya sebagai seorang perawi. Salah satu isu yang sering menjadi perhatian adalah apabila perawi tidak melakukan penapisan terhadap riwayatnya. Sekiranya perawi tersebut kerap kali gagal menapis riwayatnya, maka ia berisiko mendapat kritikan dan diragui kebolehpercayaannya sebagai seorang perawi hadith. Sebagai contoh, Abdullah bin Mubārak pernah memberikan kritikan terhadap perawi yang tidak menapis guru-gurunya (Muslim, 1955).

### 3.2 Pembahagian Perawi Muslim bin al-Hajjāj

Kajian melakukan penelitian terhadap perbincangan perawi dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*. Rujukan asas bagi *Muqaddimah Sahih Muslim* berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan *Ihyā' al-Turāth al-'Arabī* dengan tahkik daripada Abdul Bāqī. Selain itu, cetakan *Dār al-Minhāj* dengan tahkik daripada Muhammad Zihnī Afandī. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara ketiga-tiga cetakan. Cetakan yang dijadikan asas bagi utama dalam perbincangan adalah cetakan *Ihyā' al-Turāth al-'Arabī*. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Syāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Begitu juga kajian melakukan ulang rujuk kepada syarah daripada Muhammad Amin al-Hararī menggunakan cetakan *Dār al-Minhāj*, syarah Abdullah al-Khudayr cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dan syarah Alī bin Ādam al-Ityūbī cetakan *Dār Ibn al-Jawzī*.

Kajian mendapati Muslim membezakan antara tingkatan perawi yang beliau keluarkan dalam dua karya beliau iaitu *Muqaddimah Sahih Muslim* dan *al-Tamyīz*. Dalam *Muqaddimah*, Muslim bin al-

Hajjāj membahagikan perawi secara umum kepada tiga tingkatan iaitu (1) perawi adil dan sempurna *dhābit* (hafalan), (2) perawi adil tetapi kurang *dhābit* dan (3) perawi tidak adil dan tidak *dhābit* (Ali bin Adam al-Ityūbī, 2003; Muhammad Amin, 2009). Pembahagian ini berbeza dengan apa yang Muslim bin al-Hajjāj keluarkan dalam al-Tamyīz. Beliau turut membahagikan perawi kepada tiga tingkatan namun pembagiannya kepada (1) *al-hāfiẓ al-mutqin* (perawi cemerlang hafalan), (2) *al-mutasāhil, dhū ghaflah* atau *ghayr dābiṭ* (perawi yang kurang sempurna hafalan) dan (3) perawi yang hanya menitikberatkan hafalan matan hadith tanpa memberi pemfokusan kepada sanad.

Terdapat satu rumusan pembahagian perawi oleh Muslim dalam *Muqaddimah Sahih Muslim* yang telah dilakukan oleh Ibrahim Adham Mohd Rokhibi (2022) dan ia selari dengan penelitian kajian. Rumusan adalah seperti dalam jadual 4 berikut:

**Jadual 4:** Rumusan Pembahagian Perawi

TABAQAH PERTAMA				
(Adil+Dabit Sempurna)				
Bil	Nama Perawi	Martabat Jarh wa Ta'dīl	Hadith	
1	'Abd Allāh bin 'Awn	Thiqah Thabat Fāḍil	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang adil dan <i>dabit</i> secara sempurna. [Usul]	
2	Ayyūb al-Sakhtiyānī	Thiqah Thabat Ḥujjah		
3	Manṣūr bin al-Mu'tamir	Thiqah Thabat		
4	'Awf bin Abī Jamīlāh	Thiqah Rūmiyā bi al-Qadr wa bi al-Tasayyur		
5	Ash'at al-Ḥumrānī	Thiqah Faqīh		
6	Al-A'mash	Thiqah Ḥāfiẓ		
7	Ismā'il bin Abī Khālid	Thiqah Thabat		
TABAQAH KEDUA				
(Adil+Kurang <i>Dabit</i> )				
1	'Atā' bin al-Sā'ib	Şadūq Ikhtalat	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang mastur atau Şadūq.	
2	Yazīd bin Abī Ziyād	Şadūq		
3	Al-Layth bin Abī Sulaym	Şadūq Ikhtalat Jiddan		
TABAQAH KETIGA				

(Cacat Keadilan dan <i>Kedabitan</i> )			
1	'Abd Allāh bin Miswar Abī Ja'far al-Madā'inī	Waḍa'a Aḥādīth 'an Rasūlullāh SAW	Hadith yang diriwayatkan oleh perawi ini termasuk dalam kategori: 1. Muttaham bi al-Kadhib (Maṭrūk). 2. Kazzāb atau Dajjāl (Mawdū). <i>Munkar</i> disebabkan banyak kesilapan ( <i>Munkar</i> ). <i>(Hadith</i> tidak diriwayatkan daripada <i>tabaqah</i> ini kerana perawinya tidak memenuhi syarat kebenaran periwayatan).
2	'Amru bin Khālid	Maṭrūk dan dituduh sebagai <i>Kaṣṣāb</i> oleh Wakī'	
3	'Abd al-Quddūs al-Shāmī	Aḥādīthuhu Munkarah al-Isnād wa al-Matn	
4	Muhammad bin Sa'īd al-Maṣlūb	Maṭrūk	
5	Ghiyāth bin Ibrāhīm	Taraka al-Nās Ḥadīthahu	
6	Sulaymān bin 'Amru Abī Dāwūd al-Nakha'i	Ma'rūf bi Waḍ'i al-Hadīth	
7	'Abd Allāh bin Muḥarrar	Maṭrūk	
8	Yaḥyā bin Unaysah	Da'īf	
9	Al-Jarrāḥ bin al-Mīnhāl Abū al-'Atūf	Da'īf	
10	'Abbād bin Kathīr	Maṭrūk	
11	Ḥusayn bin 'Abd Allāh bin Dumayrah	Maṭrūk Ḥadīthihī Kazāb	
12	'Umar bin Subhān	Da'īf	

Setiap *tabaqah* menggambarkan tahap keadilan dan kedabitan (ketelitian hafalan) perawi serta kesannya terhadap hadith yang mereka riwayatkan. Dalam *tabaqah* pertama, perawi yang termasuk dalam kategori ini dianggap mencapai tahap tertinggi dalam aspek keadilan dan *kedabitan*. Mereka dinilai *tsiqah* (terpercaya) dengan hafalan yang sempurna dan kemampuan untuk meriwayatkan hadith dengan tepat. Perawi seperti 'Abd Allāh bin 'Awn, Ayyūb al-Sakhtiyānī, dan al-A'mash bukan sahaja dihormati dalam kalangan ahli hadith, tetapi hadith yang diriwayatkan oleh mereka diakui sahih dan sering menjadi rujukan utama dalam sumber-sumber hadith. Muslim mengutamakan perawi dari *tabaqah* ini dalam mengumpulkan hadith untuk Sahih Muslim, menunjukkan keutamaan beliau terhadap periwayatan yang mantap dan sahih.

Bagi *tabaqah* kedua, perawi yang termasuk dalam kategori ini masih dianggap adil tetapi mempunyai kekurangan dari segi kedabitan atau ketelitian hafalan. Perawi seperti 'Atā' bin al-Sā'ib dan al-Layth bin Abī Sulaim dikenali sebagai perawi yang menghadapi masalah dengan hafalan mereka. Perawi dalam kategori ini mungkin mengalami *ikhtilāt* (keadaan bercampur ingatan) pada akhir hayat mereka atau dikenali sebagai *ṣadūq* (jujur) namun tidak cukup kuat dalam hafalan. Hadith yang diriwayatkan oleh perawi dalam *tabaqah* ini sering digunakan sebagai penjelas (*shawāhid*) atau sokongan (*tawābi*) bagi hadith-hadith yang lebih kuat. Dalam konteks Sahih Muslim,

hadith dari perawi dalam *tabaqah* kedua mungkin digunakan dengan berhati-hati atau hanya apabila terdapat sokongan daripada perawi yang lebih kuat.

*Tabaqah* ketiga pula merangkumi perawi yang cacat dalam keadilan dan/atau *kedabitan* mereka. Perawi dalam kategori ini seperti ‘Abd Allāh bin Miswār Abī Ja‘far al-Madā’īnī dan ‘Amrū bin Khālid telah menerima kritikan keras seperti *matrik* (ditinggalkan) atau dikenali sebagai pemalsu hadith (*kāzib*). Muslim nampaknya tidak memasukkan hadith yang diriwayatkan oleh perawi dari *tabaqah* ini ke dalam *Sahīb Muslim* kerana kelemahan mereka yang ketara dalam keadilan dan hafalan, yang boleh menjelaskan kesahihan hadith. Dalam kajian hadith, perawi dalam kategori ini sering dielakkan atau ditolak oleh muhaddithīn kerana periwayatan mereka tidak dapat diterima.

Kesimpulannya, pembahagian tingkatan perawi oleh Muslim ini menunjukkan pendekatan yang teliti dan metodologi yang ketat dalam pemilihan hadith untuk *Sahīb Muslim*. Muslim mengutamakan perawi yang paling terpercaya dan berhati-hati dalam menerima hadith dari perawi yang mempunyai kekurangan, terutamanya dalam aspek keadilan dan hafalan. Ini menggambarkan prinsip Muslim dalam memastikan kesahihan dan ketepatan hadith yang dimasukkan dalam kitab beliau. Pendekatan ini menjadi salah satu sebab utama mengapa Sahih Muslim dianggap sebagai salah satu kitab hadith paling sahih dalam tradisi Islam.

Rumusan pembahagian perawi Muslim bin al-Hajjāj dalam *al-Tamyiz* adalah seperti dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Pembahagian Perawi Muslim dalam *al-Tamyiz*

No.	Kategori Perawi	Catatan
1.	<i>Al-hafiz al-mutqin</i>	Perawi ini merupakan kategori <i>tsiqah</i> yang tertinggi.
2.	<i>Al-mutasabil, dbū gbaflab atau ghayr ḏābiṭ</i>	Perawi kategori <i>tsiqah</i> yang rendah
3.	Perawi yang tidak menitikberatkan soal sanad	Perawi <i>maqbūl</i> semata-mata

Terdapat perbezaan jelas antara kedua-dua pembahagian, di mana dalam *al-Tamyiz* Muslim memfokuskan kepada tingkatan-tingkatan perawi yang diterima riwayatnya sahaja (*maqbūl*). Manakala di *Muqaddimah*, beliau mengumumkan tingkatan perawi termasuk perawi diterima (*maqbūl*) dan ditolak (*mardūd*). Hal ini selari dengan topik perbincangan ilmu ‘ilal al-hadīth yang memfokuskan kesilapan perawi-perawi *maqbūl* semata-mata (Ahmad Ma’bad & Muhammad Nasr, 2016). Perkara yang sama dinyatakan oleh Abdullah Sa’ad (2021) dengan menambah bahawa ini merupakan keistimewaan kitab *al-Tamyiz*.

Selain itu juga, berbeza dengan *Muqaddimah Sahīb Muslim*, pembahagian tingkatan perawi dalam *al-Tamyiz* hanya dinyatakan secara umum tanpa disertai penyebutan contoh nama-nama perawi. Sekiranya ditelusuri alasannya, Muslim bin al-Hajjāj menyatakan sebab penyebutan contoh nama perawi dalam *Muqaddimah Sahīb Muslim* agar ia lebih jelas dan dapat difahami bahawa setiap perawi berbeza kedudukannya walaupun antara perawi *tabaqah* pertama dan kedua.

Seterusnya kajian akan menganalisis perawi-perawi yang dikritik oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam *Muqaddimah Sahīb Muslim*.

### 3.3 Metodologi Kritik Perawi Menurut Muslim bin al-Hajjāj

Perbahasan mengenai perawi diletakkan oleh Muslim bin al-Hajjāj sebagai perbincangan paling panjang dalam *Muqaddimah* beliau. Begitu juga pada bab ini beliau cuba untuk mengisyaratkan kepelbagaiannya cara kritikan (*tajrīh*) terhadap seseorang perawi. Justeru kajian akan menghimpunkan terlebih dahulu rumusan senarai perawi yang dikritik dalam *Muqaddimah Sahīb Muslim*. Kemudian setelah itu, kajian akan melakukan analisis bentuk-bentuk kritikan. Kesemua perawi disusun dengan penomboran kod agar lebih mudah dibahaskan di bahagian analisis. Rujuk Jadual 6 di bawah:

**Jadual 6:** Rumusan kritik perawi dalam *Muqaddimah Sahīb Muslim*

Kod	Nama Perawi	Alasan Kritikan
A1	Amr bin Tsābit	Syiah mencela para salaf
A2	Syahr bin Hausyab	Hadithnya ditinggalkan
A3	Abbād bin Kathīr	Banyak meriwayatkan hadith bermasalah
A4	Muhammad bin Sa'īd	Menipu dalam periwayatan
A5	Ghālib bin Ubaidullah	Mengambil riwayat daripada perawi dhaif jiddan
A6	Hisyām Abū al-Miqdam	Membuang perawi daripada sanad
A7	Sulaimān bin al-Hajjāj	Tidak dijelaskan
A8	Rauh bin Ghutaif	Hadithnya tidak diakui
A9	Baqiyyah bin al-Walīd	Meriwayatkan daripada semua jenis perawi
A10	Al-Hārith al-A'war	Banyak berdusta dalam kehidupan sehari-hari
A11	Al-Mughīrah bin Sa'ad	Berdusta
A12	Abū Abd Rahman Syaqīq al-Dibbī	Berdusta
A13	Syaqīq Abū Abd Rahman	Khawārij suka berdusta
A14	Jābir bin Yazīd al-Ju'fī	Syiah ekstrimis
A15	Abū Umayyah Abd Karīm	Membuang perawi daripada sanad
A16	Abū Dāwud al-A'mā	Berdusta
A17	Abū Ja'far al-Hāsyimī	Berdusta
A18	Amr bin Ubayd	Berdusta

Kajian mendapati sebanyak 18 orang perawi telah disebutkan dalam *Muqaddimah Sahih Muslim* dengan variasi kritikan. Justeru itu, kajian menetapkan kategori kritikan bagi setiap perawi agar kefahaman yang lebih tepat dapat diperolehi. Rujuk jadual 7 di bawah:

**Jadual 7:** Kategori kritik perawi

Kod	Kategori Kritikan
A1, A2, A4, A10, A11, A12, A13, A16, A17, 18.	Keadilan ( <i>al-'Adālah</i> ) (K1)
A3, A8.	Hafalan ( <i>al-Dhabt</i> ) (K2)
-	Identiti ( <i>al-Jahālah</i> ) (K3)
A5, A6, A9, A15.	Tabiat buruk dalam periwayatan (K4)
A7.	Tidak dapat dikenalpasti (K5)

Berdasarkan data di atas, metodologi Muslim bin al-Hajjāj dalam mengkritik perawi dalam *Muqaddimah Sahih Muslim* menunjukkan pendekatan yang teliti dan mendalam, terutamanya dalam aspek keadilan dan hafalan perawi. Muslim memberikan penekanan yang signifikan terhadap aspek keadilan perawi. Ini terbukti dengan majoriti kritikan yang diketengahkan berkaitan dengan keadilan, seperti berdusta dalam periwayatan (A11, A12, A16, A17, A18) dan berdusta dalam kehidupan sehari-hari (A10). Kategori ini melibatkan isu-isu integriti yang kritikal dalam memastikan ketulenan dan keaslian hadith. Muslim jelas berpendirian bahawa keadilan perawi adalah syarat utama untuk diterima sebagai perawi yang tsiqah. Ini mencerminkan keprihatinan Muslim terhadap isu-isu moral yang melibatkan perawi, di mana tindakan berbohong, sama ada dalam hadith atau kehidupan sehari-hari, dianggap serius dan cukup untuk menolak periwayatan seseorang. Begitu juga, antara isu yang besar dalam aspek keadilan adalah berkaitan bid'ah. Muslim mengeluarkan kritikan terhadap perawi ahli bid'ah seperti A1, A13 dan A14. Namun begitu, bukan semua perawi ahli bid'ah dikritik dan ditinggalkan riwayatnya bahkan hanya perawi-perawi ekstrimis sahaja. Hal ini dapat diperhatikan daripada metodologi Muslim bin al-Hajjāj sendiri.


Muslim juga mengambil kira aspek hafalan perawi, yang menunjukkan keprihatinannya terhadap ketepatan dan keupayaan perawi untuk menyampaikan hadith dengan betul. Kategori ini merujuk kepada perawi yang mungkin mempunyai kelemahan dalam hafalan (A3, A8), yang boleh menjelaskan kualiti periwayatan. Namun, Muslim tidak memberi perhatian yang sama seperti pada aspek keadilan yang mungkin menunjukkan bahawa beliau melihat keadilan sebagai aspek yang lebih kritikal pada masa itu.

Menariknya, Muslim tidak memasukkan kritikan terhadap identiti perawi (*al-Jahālah*) dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*. Hal ini mungkin boleh ditafsirkan bahawa Muslim lebih menekankan sifat-sifat yang lebih utama seperti keadilan dan hafalan, daripada hanya sekadar mengenalpasti identiti perawi. Begitu juga ia berpunca daripada pendekatan Muslim yang mementingkan kandungan periwayatan dan sifat-sifat moral perawi lebih daripada sekadar maklumat biografi mereka.

Muslim juga mengambil kira aspek tabiat buruk dalam periwayatan, seperti yang dilihat dalam kategori A5, A6, A9, dan A15. Ini termasuk isu suka melakukan *tadīs* (helah) dalam periwayatan (A6, A15). Begitu juga, antara tabiat buruk yang boleh menyebabkan seseorang perawi dikritik

adalah apabila dia tidak melakukan tapisan riwayat dan mengambil hadith daripada semua jenis perawi sama ada tsiqah atau tidak (A5, A9).

Kajian juga mengeluarkan statistik kritikan agar perbincangan dapat diperhatikan daripada sudut yang berbeza. Rujuk statistik pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Statistik kritikan perawi

Secara keseluruhan, metodologi Muslim dalam mengkritik perawi dalam *Muqaddimah Sahib Muslim* menunjukkan pendekatan yang komprehensif tetapi terfokus. Penekanan yang kuat terhadap keadilan perawi mencerminkan keprihatinan beliau terhadap integriti moral dalam periwatan hadith. Dalam masa yang sama, aspek hafalan juga dipertimbangkan tetapi tidak ditekankan sebesar isu keadilan. Keputusan Muslim untuk tidak memasukkan kritikan terhadap identiti perawi menunjukkan pendekatan selektif yang berfokus pada sifat-sifat yang dianggap lebih penting dalam menilai periwatan hadith. Pendekatan ini memberi gambaran bahawa Muslim mengutamakan keutuhan dan kesahihan hadith melalui pemilihan perawi yang tidak hanya tsiqah dari segi hafalan, tetapi juga dari segi moral dan integriti. Hal ini menjadikan *Sahib Muslim* sebagai salah satu sumber hadith yang paling terpercaya dalam dunia Islam.

Justeru itu, hasil kajian di atas telah menjawab objektif bagi menjawab persoalan kajian iaitu menjelaskan metodologi Muslim bin al-Hajjāj dalam kritik perawi khusus bagi karya *Muqaddimah Sahīb Muslim*. Begitu juga kajian telah mengeluarkan kesemua perawi yang dikritik dalam *Muqaddimah Sahīb Muslim* bagi menjawab persoalan kajian sebelum ini.

## 4.0 KESIMPULAN

*Muqaddimah Sahīb Muslim* oleh Muslim bin al-Hajjāj merupakan karya penting yang memberikan panduan sistematis dalam kritik perawi, salah satu cabang penting dalam kajian hadith. Melalui analisis yang dijalankan, metodologi Muslim dalam menilai perawi didapati memberi penekanan kepada dua aspek utama iaitu keadilan (*'adālah*) dan hafalan (*dhabit*) perawi. Muslim dengan tegas menolak perawi yang lemah dari segi keadilan dan hafalan, dan beliau juga sangat berhati-hati dalam menerima periwatan daripada perawi yang tidak tsiqah. Selain itu,

Muslim turut menyoroti tabiat buruk perawi seperti tidak menapis riwayat, yang boleh menjaskan keandalan periwayatan.

Kajian ini mengesahkan bahawa metodologi yang diterapkan oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam kritik perawi adalah sistematik dan terperinci, dengan pendekatan yang sangat berhati-hati dalam memastikan kesahihan riwayat hadith. Penemuan ini memberikan panduan yang lebih jelas kepada pengkaji hadith kontemporari tentang bagaimana Muslim menilai perawi serta kepentingan aspek moral dan hafalan dalam kritik perawi. Dengan ini, kajian ini berjaya menjawab persoalan mengenai metodologi kritik perawi oleh Muslim bin al-Hajjāj dalam *Muqaddimah Sahih Muslim*.

Kajian lanjutan dicadangkan untuk memperluas analisis terhadap karya-karya silam lain dalam bidang *al-jarb wa al-ta'dil*, serta implikasi penerapan metodologi Muslim dalam penilaian hadith di kalangan ulama kontemporari. Ini akan memberi gambaran yang lebih komprehensif mengenai kepentingan metodologi Muslim dalam ilmu hadith.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada para penilai kerana meluangkan masa dan usaha untuk menilai manuskrip ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan.

## Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

## Rujukan

- ‘Abd Allāh al-Sa‘d. (2021). *al-Wajiz fi Sharḥ Kitab al-Tamyiz*. Riyadh: Dār al-Adāwah li al-Nasyr.
- Abdul Aziz Abdul Latif. (2017). *Dhawabit al-Jarb wa Ta'dil* (Cetakan ke-6). Madinah: Dār Tayyibah al-Khudarā’.
- Abdullah Ahmad. (1994). *Su'ālat Abū Dāwud li al-Imām Abmad*. Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Jauharī, I. H. (1987). *Al-Sibāh Tāj al-Lughah wa Ṣibāh al-'Arabiyah*. Beirut: Dār al-'Ilm lil al-Malāyyīn.
- Al-Juwainī, A. M. A. (1997). *Al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Khalīlī, K. A. (1989). *Al-Irsyād fī Ma'rīfah 'Ulamā al-Hadīth*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Munawi, M. A. (1999). *Al-Yawaqit wa al-Durar fī Syarah Nukhbah Ibn Hajar*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Sakhawi, S. M. (1993). *Fath al-Mugīth Syarah Alfiyyah al-Hadīth*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sam'ānī, A. K. M. (1982). *Al-Ansāb*. India: Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-Uthmāniyyah.
- Al-Syahrazuri, A. A. (1986). *'Ulum al-Hadīth*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Zahabī, M. A. (1985). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

- Al-Zahabī, M. A. (1998). *Tazkirah al-Huffaz*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zarkalī, K. M. (2002). *Al-‘A’lām*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyyīn.
- Dzulraidi, D. H., Mohd Ithnin, N. K., Amat Famsir @ Amat Tamsir, M. T., & Ayub, D. H. (2024). Konsep Qarā’in Al-Tarjih dalam Pensabitan Samā’: Kajian Terhadap Muqarrar Al-Takhrīj Karya Ḥātim Al-‘Awnī: The Concept of Qarā’in Al-Tarjih in Authenticating Samā’: A Study on Muqarrar Al-Takhrīj by Ḥātim Al-‘Awnī. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 3(1), 169–196. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/67>
- Hamzah Yūsof al-Sahmī. (1987). *Tārikh Jurjān*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.
- Ibn al-Athīr, M. M. (1979). *Al-Nibāyah fī Gharib al-Hadīth wa al-Athār*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-‘Asqallānī. (2008). *Lisān al-Mizān*. Beirut: Maktabah Beirūt.
- Imān Rajab Hamdān. (2024). *Al-Tausīq al-Dimnī wa Atharuhu fī Ta’dil al-Ruwāh*. Azhar: Dār al-Zakhāir.
- Māzin bin Abdul Rahman. (2006). *Tārikh Naysābur*. Beirut: Dār al-Basyāir al-Islāmiyyah.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, & Zirwatul Aida R. Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Bin ‘Alawi. (2003). *Al-Qawā’id al-Asāsiyah*. Kaherah: Dār al-Hāwi.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Sulaim. (2010). *Al-Wasīth fī Uhlūmi wa Mustalah al-Hadīth*. Dār Fikr al-‘Arabī.
- Muhammad Bin Mukrim. (1994). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Šadīr.
- Muhammad Bin Sulaimān. (1986). *Al-Mukhtasar fī Ilmi al-Rijāl*. Maktabah al-Rusyd.
- Muhammad Murtadha al-Husaini. (2001). *Tāj al-‘Arūs*. Dār Ihyā’ al-Turāth.
- Muslim Bin al-Hajjāj. (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba’ah Īsa al-Bābī.
- Syarīf Hātim al-‘Awnī. (2002). *Khulāsah al-Ta’sīl li Ilmi al-Jarh wa al-Ta’dil*. Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawāid.
- Zulhelmi Mohamed Nor. Ilmu al-Jarh wa al-Ta’dil: Tumpuan Terhadap Ketokohan Imam Bukhari. *Jurnal Kuis*, 11.
- Ali Imron. (2017). Dasar-Dasar Ilmu Jarh wa Ta’dil. *Mukaddimah: Jurnal Studi Islam*, 2(2).
- Al-Hararī, M. A. bin ‘A. al-‘A. al-U. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Minhāj.
- Al-Ityūbī, M. I. al-Sh. al-‘A. ‘A. bin A. bin M. (2003). *Qurratu al-‘Ayn al-Muhtāj fī Sharḥ Muqaddimah Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim bin al-Hajjāj*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Ibrahim Adham Mohd Rokhibi, & Khadher Ahmad. (2022). Analisis Metode Penerangan Hadith Ber‘illah Dalam Sahih Muslim Menurut Ḥamzah Al-Malyabārī. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 9(1), 83-100

Dzulfaidhi Dzulraidi et. Al. (2024). Konsep Qarāin Tarjih Dan Aplikasinya Dalam Kitab Al-Tamyīz Karangan Muslim Bin Al-Ḥajjāj: The Concept Of Qara'in Al-Tarjih And Its Application In The Book Al-Tamyīz By Muslim Bin Ḥajjāj. *Journal of Fatwa and Falak Selangor*, 1(1), 14-36. <https://juffas.muftiselangor.gov.my/index.php/jurnal/article/view/17>.